

22 JAN 2002

Abdullah-Melayu

MELAYU TELAH CAPAI ZAMAN GEMILANG SEHINGGA TERKENAL SELURUH DUNIA

KUALA TERENGGANU, 22 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata bangsa Melayu kini telah mencapai zaman kegemilangannya di bawah kepimpinan Umno sehingga terkenal di seluruh dunia.

Timbalan Perdana Menteri berkata pencapaian bangsa Melayu kini dari segi ekonomi dan pentadbiran di bawah Umno dan Barisan Nasional (BN) adalah lebih baik berbanding pada zaman Melayu Melaka dahulu yang terkenal di peringkat Nusantara.

"Dalam sejarah bangsa Melayu inilah masa yang paling gemilang bagi bangsa Melayu yang beragama Islam," katanya ketika berucap lebih 7,000 hadirin di majlis perjumpaan Hari Raya Pemimpin Bersama Rakyat di Kampung Gong Datuk, Mengabang Telipot, di sini hari ini.

Beliau berkata hasil kejayaan dan keamanan yang dikecapi kini merupakan hasil perancangan yang teliti dilakukan oleh Umno dan parti komponen BN lain yang sanggup berkongsi kuasa demi memajukan negara.

Beliau berkata usaha yang dicapai di negara ini bukannya datang sendiri dan bukannya senang untuk membentuk suasana harmoni di negara ini yang mempunyai kemajmukan pelbagai kaum.

Abdullah berkata pencapaian negara kini adalah niat Umno sejak dahulu untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat yang diperintah oleh bangsa sendiri dan berdikari.

"Kita majukan sendiri negara kita tanpa bantuan luar seperti.. kita menolak bantuan dari Tabung Kewangan Dunia (IMF) ketika watawang kita jatuh sebanyak 16 peratus berbanding matawang Amerika Syarikat," katanya.

Beliau berkata Malaysia mampu bangun sendiri di bawah kepimpinan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad dan BN yang kini menjadikan negara ini lebih baik dari segi ekonomi berbanding Singapura, Filipina dan Thailand.

Abdullah berkata dengan kejayaan yang dicapai kini kerajaan juga berhasrat untuk memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk menikmati keamanan yang dicapai termasuk Terengganu dan Kelantan yang diperintah oleh Pas.

Katanya, kerajaan mempunyai perancangan untuk membina rumah kepada 8,577 nelayan di Terengganu bagi menjaga kebajikan mereka selain memberi bantuan yang sedia ada.

Abdullah bagaimanapun kesal dengan tindakan kerajaan negeri Terengganu yang enggan meluluskan tanah untuk projek membina rumah bagi nelayan.

"Nak bantuan tanah susah sangat... walaupun nak dapat tanah untuk kebajikan rakyat.. mereka susah nak bagi," katanya.

Sementara itu, Abdullah pada malam ini akan menghadiri majlis jamuan bersama Jawatankuasa Perhubungan Umno dan agensi perkhidmatan awam secara tertutup di salah sebuah hotel di sini.

-- BERNAMA

MRA FAZ